

# Dr. M kekal pegang portfolio Dalam Negeri

UM 12 AUG 1976

KUALA LUMPUR 11 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kekal memegang portfolio Kementerian Dalam Negeri di samping menjadi Perdana Menteri dalam kabinet barunya yang diumumkan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba pula diberikan dua portfolio, satu kementeriannya yang lama iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan satu portfolio baru iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Encik Ghafar merupakan menteri yang paling ba-

nyak memegang portfolio dalam kabinet kali ini.

Bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijangka akan diberikan kepada MCA kemudian kelak.

Menteri - menteri yang kekal memegang portfolio lama mereka ialah Datuk Lee Kim Sai (Buruh), Datuk Samy Vellu (Kerja Raya), Encik Daim Zainuddin (Kewangan), Encik Anwar Ibrahim (Pelajaran), Datuk Dr. Ling Liong Sik (Pengangkutan), Tengku Razaleigh Hamzah (Perdagangan dan Perindustrian), Datuk Abdullah Ahmad Badawi (Pertahanan), Datuk Sri Sanusi Junid (Pertanian), Datin Paduka Rafidah Aziz (Perusahaan Awam), Datuk Amar Stephen Yong (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar) dan Datuk Leo Moggie (Tenaga, Telekom dan Pos).

Para menteri yang berpindah kepada portfolio lain ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Chan Siang Sun kepada Kementerian Kesihatan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Dr. Sulaiman Daud (Kemajuan Tanah dan Wilayah).

Empat orang menteri pula bertukar portfolio. Menteri Penerangan Datuk Rais Yatim mengambilalih Kementerian Luar daripada Tengku Ahmad Rithauddeen manakala Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Shahrir Samad bertukar kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat dan tempatnya pula diambilalih oleh Datuk Haji Abu Hassan Omar.

Para timbalan menteri lain yang berpindah portfolio ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Zainal Abidin Zin kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Timbalan Menteri Penerangan, Haji Kassim Ahmad (Kemajuan Tanah dan Wilayah), Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Oo Gin Sun (JPM), Timbalan Menteri Penerangan, Encik Ng Cheng Kuai (Pembangunan Negara dan Luar Bandar) dan Timbalan Menteri Pelajaran, Encik Ng Cheng Kiat (Kewangan).

Setiausaha Parlimen yang bertukar ialah Datuk Haji Dusuki Ahmad daripada Kemajuan Tanah dan

Wilayah kepada Penerangan.

Empat orang setiausaha Parlimen yang digugurkan ialah Haji Hussein Mahmood (Perusahaan Awam), Encik Jawan Empaling (Kebajikan Masyarakat), Encik Ban Hong Keong (Kesihatan) dan Encik Au How Cheong (Tenaga, Telekom dan Pos). Haji Hussein bertanding dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan sementara Encik Ban dan Encik Au tidak bertanding pada pilihanraya lepas sedangkan Encik Empaling tewas.

Para timbalan menteri yang kekal memegang jawatan masing - masing terdiri daripada Datuk Dr. Yusof Nor (JPM), Haji Bujang Ulis (Pelajaran), Datuk Abang Abu Bakar Mustapha (Pertahanan), Datuk K. Pathmanaban (Kesihatan), Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Luar Negeri), Hajah Rahmah Osman (Pengangkutan), Puan Napsiah Omar (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Encik Luhat Wan (Pertanian) dan Datuk S. Subramaniam (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).